

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9 JULY 2017

DR M SOKONG ANWAR JADI PM

# 'Sudah 20 tahun cerita Anwar mahu jadi PM'

BH- 9/7/2017 Pg. 8

→ Keghairahan pembangkang berlarutan sekian lama: Shahrir

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof  
mohdfahmi@bh.com.my

✦ Johor Bahru

**K**eghairahan pembangkang untuk menjadikan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri sudah berlarutan sejak 20 tahun lalu dan kini turut disertai sokongan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Majlis Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC), Tan Sri Shahrir Samad mengakui beliau bingung apabila masih timbul cerita mengenai soal menjadikan Anwar pemimpin nombor satu negara.

"Ini saya ingat (sudah hendak masuk) pilihan raya umum (PRU) yang keempat (namakan Anwar sebagai calon Perdana Menteri). Maknanya 20 tahun (timbul) cerita macam mana nak jadikan Anwar Ibrahim se-

bagai Perdana Menteri.

"Saya pun bingung juga, PRU-11, PRU-12, PRU-13 dan ini PRU-14, semuanya soal macam mana Anwar Ibrahim nak jadi Perdana Menteri. Daripada tiga pilihan raya lalu sampai sekarang, walaupun Anwar Ibrahim tak jadi Perdana Menteri, negara kita ini berjalan dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Ahli Parlimen Johor Bahru yang turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, di sini semalam.

Shahrir yang juga Ahli Parlimen Johor Bahru mengulas laporan yang memetik Tun Dr Mahathir Mohamad memberi sokongan kepada Anwar yang kini menjalani hukuman penjara kerana kes liwat, menjadi Perdana Menteri jika mendapat pengampunan diraja.

## Dakwaan lucu, mengejutkan

"Situasi itu (mahu Anwar jadi Perdana Menteri) dilihat mahu kembali ke 1999, meskipun dunia kini sudah berubah dan bergerak maju ke hadapan. Saya kasihan kepada rakyat, takkan kita asyik nak berundur, kita kena ke hadapan," katanya.

Sementara itu, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Salleh Keruak, berkata dakwaan Dr Ma-

hathir seperti dilaporkan akhbar *The Guardian* bahawa Anwar dihukum secara tidak adil dan keputusan mahkamah dipengaruhi kerajaan, sebagai lucu dan mengejutkan.

Katanya, ia menunjukkan Dr Mahathir berpendapat badan kehakiman negara adalah korup serta hakim tidak bertindak jujur apabila menjatuhkan hukuman kepada Anwar atas kesalahan meliwat bekas pembantu peribadinya, Mohd Saiful Bukhari.

## Penghinaan kepada mahkamah

"Ini satu penghinaan kepada mahkamah dan usaha memburukkan imej negara. Hakikatnya, menjadi tanggungjawab Dr Mahathir juga untuk minta maaf kepada Anwar atas semua kesalahannya kepada Anwar sejak 1998.

"Tiada guna (Dr Mahathir) anggap Anwar disabitkan bersalah atas jenayah yang tidak pernah dilakukan, tetapi tidak membuat perubahan dengan sekurang-kurangnya memohon maaf," katanya menerusi laman blog [sskeruak.blogspot.my](http://sskeruak.blogspot.my), semalam.

Katanya, kegagalan memohon maaf kepada Anwar walaupun menyokongnya sebagai calon Perdana Menteri, membuktikan kenyataan Datuk Seri Najib Razak bahawa Dr Mahathir bimbang dengan siasatan RCI, adalah benar.